



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KES PASANGAN 11 ANAK YANG DITULARKAN SEMUA DI MEDIA SOSIAL

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil maklum tentang isu yang ditularkan oleh netizen di sosial media mengenai keluarga Puan Sharifah Suraya binti Syed Hussin berumur 39 tahun yang tinggal di Blok E-T12-U13, Presint 14, Putrajaya yang mempunyai anak seramai 11 orang.

Adalah dimaklumkan bahawa kes ini telah disantuni oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Putrajaya pada Januari 2018 lagi. Penama di atas telah diluluskan Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/OKU Terlantar (BPT) mulai Februari 2018 hingga Januari 2019 sebanyak RM350 sebulan untuk keperluan anak ketujuh penama yang menghidap penyakit kanser darah. JKJ WPKL juga telah menyampaikan sumbangan bantuan segera berjumlah RM300 sekaligus melalui Tabung Bantuan Segera kepada penama semasa lawatan ke rumah diadakan.

Pada masa yang sama keluarga ini turut dipantau secara berkala oleh Pejabat Kebajikan Cawangan Putrajaya melalui lawatan ke rumah dan khidmat kaunseling. Keluarga ini juga dirujuk kepada Baitulmal dan telah mendapat bantuan bulanan sebanyak RM500 sebulan.

Pihak Kementerian memandang serius akan masalah seperti ini, dan menggesa agar orang awam yang mempunyai maklumat untuk sama-sama tampil membantu pihak Kerajaan bagi menangani dan membantu keluarga yang memerlukan seperti ini.

Sekian.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
PUTRAJAYA
5 Jun 2018